

AS alami lagi kemelesetan ekonomi?

Oleh MIR AZRI SHAHRUDIN
WASHINGTON

Amerika Syarikat (AS) baharu sahaja mengalami kemelesetan ekonomi selama dua bulan iaitu pada Februari 2020 sehingga April 2020 ketika berada di bawah kepimpinan Presiden AS ke-45, Donald Trump.

Kemelesetan itu berlaku selepas Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan Covid-19 telah menimbulkan ancaman kesihatan awam yang membimbangkan.

Ia menyebabkan ekonomi AS kehilangan 20.5 juta pekerjaan pada April 2020 dan mengakibatkan kadar pengangguran melonjak kepada 14.7 peratus.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) jatuh sebanyak 31.4 peratus pada suku kedua, namun ekonomi negara itu kembali pulih dalam tempoh yang singkat dalam sejarah setelah timbul kebimbangan akan berlaku Kemelesatan Besar.

Ia sekali gus menyebabkan Kongres AS dan Rumah Putih meluluskan beberapa pakej bantuan besar-besaran untuk memastikan firma dan isi rumah terus



AS pernah mengalami kemelesetan ekonomi pada tahun 1700-an. - AFP

bertahan.

Bagaimanapun, selepas lebih setahun mengalami kemelesetan itu, negara Uncle Sam itu berkemungkinan terjerumus ke dalam kemelesetan.

Pengarah Urusan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), Kristalina Georgieva pada Jumaat berkata, terdapat 'laluan sempit' untuk mengelakkan kemelesetan AS daripada berlaku dan sebarang 'kesakitan' sementara disebabkan oleh kemelesetan akan menjadi 'harga yang perlu dibayar' untuk mengelakkan inflasi yang merosakkan.

"Ekonomi terbesar dunia itu pulih dengan kuat daripada kemelesetan pandemik Covid-19, tetapi ia datang akibat 'kesan sampingan yang tidak diingini' kerana kenaikan harga," ujar Georgieva.

Dua ahli ekonomi di syarikat kewangan Jepun, Nomura Holdings Inc, Aichi Amemiya dan Robert Dent menyatakan bahawa ekonomi AS mungkin akan jatuh ke dalam kemelesetan sederhana menjelang akhir tahun ini apabila Rizab Persekutuan menaikkan kadar faedah untuk menurunkan harga barangan.

Kenaikan harga barangan itu berlaku ketika Rusia melancarkan serangan ke atas Ukraine pada 24 Februari lalu.

Ini bukan kali pertama ekonomi AS mengalami kemelesetan disebabkan akibat kenaikan harga disebabkan oleh perang yang berlaku di luar negara itu.

Sebahagian besar krisis tersebut disebabkan oleh faktor dalaman negara itu sendiri antaranya kejatuhan dua syarikat gergasi pembinaan landasan kereta api, spekulasi tanah.

Selain itu, tindakan para pelabur menjual pelaburan di AS disebabkan pasaran saham Eropah menjunam dan penyelewengan yang berlaku dalam sebuah syarikat kewangan gergasi antara punca

- AS pernah dilanda kemelesetan ekonomi pada tahun 1797, 1857, 1873 dan 1893.

masalah tersebut.

Ia juga mengalami kemelesetan ekonomi selepas terlibat dalam Perang Dunia Kedua. AS mengalami kemelesetan ekonomi yang berlarutan selama lapan bulan iaitu dari Februari hingga Oktober pada tahun 1945 akibat kesan semula jadi Perang Dunia Kedua.

Washington turut dilanda kemelesetan ekonomi selama 16 bulan iaitu dari November 1973 hingga Mac 1975 disebabkan oleh sekatan minyak Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Minyak (OPEC) yang dipersalahkan kerana harga minyak meningkat empat kali ganda tetapi tindakan yang diambil oleh Presiden AS ketika itu, Richard Nixon turut menyumbang kepada kemelesetan.

AS juga pernah mengalami kemelesetan ekonomi sebanyak dua kali iaitu selama enam bulan pertama pada tahun 1980 dan selama 16 bulan iaitu dari Julai 1981 hingga November 1982.

Sekatan minyak Iran telah memburukkan lagi keadaan ekonomi AS ketika itu apabila Teheran mengurangkan bekalan minyak ke negara tersebut yang mendorong lonjakan harga minyak.

Kemelesetan ekonomi itu berlaku di bawah pentadbiran Presiden AS ke-39, Jimmy Carter sebelum diambil alih oleh Ronald Reagan pada tahun 1981.

Pencerobohan Iraq ke atas Kuwait telah memburukkan lagi kemelesetan ekonomi AS dari Julai 1990 hingga Mac 1991.

Kemelesetan itu berlaku selama sembilan bulan juga disebabkan oleh krisis simpanan dan pinjaman serta kadar fae-



Perang Ukraine yang berlaku akibat serangan tentera Rusia memberi kesan ekonomi ke atas AS. - AFP

dah yang lebih tinggi di negara tersebut.

Ketika itu AS di bawah kepimpinan Presiden ke-41, George W H Bush.

Serangan penganas pada 2001 turut memburukkan lagi kemelesetan ekonomi yang berlarutan selama lapan bulan.

Ketika itu, syarikat-syarikat membeli perisian baharu bernilai berbilion dolar kerana bimbang sistem lama tidak direka untuk berubah dari tahun 1900-an kepada 2000-an.

Pada 2008, AS dilanda kemelesetan ekonomi yang dicetuskan oleh krisis gadaai janji subprima sehingga merosakkan ekonomi yang kembali pulih setahun selepas itu.

Sehubungan itu, kemelesetan di AS menunjukkan bahawa ia adalah sebahagian daripada kitaran perniagaan yang semula jadi dan tidak dapat lari daripada mengalami kemelesetan walaupun ia merupakan negara ekonomi terbesar di dunia.

Pada masa ini, peranan aktif Presiden Joe Biden dalam isu Perang Ukraine termasuk menjadi salah satu faktor yang mendorong AS untuk terlibat dalam konflik tersebut. Biden telah mengumumkan bahawa AS akan menyokong Ukraine dengan membekalkan senjata dan peralatan perang. Beliau juga telah mengumumkan bahawa AS akan menyokong Ukraine dengan membekalkan wang tunai untuk membantu ekonomi dan rakyat Ukraine. Beliau juga telah mengumumkan bahawa AS akan menyokong Ukraine dengan membekalkan wang tunai untuk membantu ekonomi dan rakyat Ukraine. Beliau juga telah mengumumkan bahawa AS akan menyokong Ukraine dengan membekalkan wang tunai untuk membantu ekonomi dan rakyat Ukraine.